

KEPENTINGAN ILMU DAKWAH TERHADAP PENDAKWAH KONTEMPORARI MENURUT PERSPEKTIF MUHAMMAD AL-GHAZALI: SATU ANALISIS

THE IMPORTANCE OF DAKWAH KNOWLEDGE TOWARDS CONTEMPORARY PREACHERS ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF MUHAMMAD AL-GHAZALI: AN ANALYSIS

Saifulazry Mokhtar¹

Azmin Pullong^{2*}

Mohd Nur Hidayat Hasbollah³

Sharifah Darmia Sharif Adam⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

² UiTM Cawangan Sabah, Kampus Tawau, Malaysia,
(E-mel: azminpullong@uitm.edu.my)

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: mnhidayath_h@ums.edu.my @ums.edu.my)

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: shdarmia@ums.edu.my)

Article history

Received date : 20-6-2022
Revised date : 21-6-2022
Accepted date : 19-9-2022
Published date : 6-10-2022

To cite this document:

Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.

Abstrak: Aktiviti dakwah adalah satu amalan mulia yang dituntut oleh Allah SWT dan disarankan oleh Rasulullah SAW untuk diamalkan. Walaupun ia merupakan satu sunnah yang sangat diutamakan, namun masyarakat seringkali memandang enteng dalam pelaksanaannya. Sebagai seorang pendakwah yang berkaliber, beliau perlulah terlebih dahulu menyiapkan diri dan mendalami ilmu dakwah sebelum melaksanakan tuntutan mulia tersebut serta memastikan dakwah yang dilaksanakan tersebut tepat dan berkesan. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan ilmu dakwah terhadap pendakwah masa kini menurut perspektif Muhammad al-Ghazali dalam Kitab *Fiqh al-Sirah*. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu merujuk kepada Kitab *Fiqh al-Sirah* karangan Muhammad al-Ghazali. Hasil dapatan kajian menemukan tujuh kepentingan ilmu dakwah yang harus diketahui oleh pendakwah masa kini iaitu seseorang yang berketurunan mulia, mempunyai sifat sabar yang tinggi, seorang yang bijak dan pintar, mempunyai sumber kewangan yang baik, mempunyai akhlak yang mulia, bersikap peramah dan berhati luhur serta memperbanyakkan waktu muhasabah diri. Dengan mengaplikasikan kaedah dan manhaj dakwah yang disarankan oleh Muhammad al-Ghazali sudah pasti aktiviti dakwah yang dijalankan oleh seseorang pendakwah itu akan membuahkan hasil seperti yang diidamkan. Semoga dengan penerapan rekayasa dakwah ini dapat dijadikan sebagai menu utama dalam landskap dakwah masa kini.

Kata Kunci: *Dakwah, ilmu dakwah, kepentingan ilmu, Muhammad al-Ghazali, pendakwah*

Abstract: *Dakwah activity is a noble practice that is commanded by Allah SWT and it is recommended by the Prophet PBUH to be practiced. Although it is a sunnah that is a priority, the community often takes it lightly in its implementation. As a preacher of his caliber, he must first prepare himself and deepen the knowledge of dakwah before carrying out the noble claim as well as ensuring that the dakwah carried out is accurate and effective. Thus, this study is aimed at highlighting the importance of dakwah knowledge towards the present preacher according to the perspective of Muhammad al-Ghazali in the Book of Fiqh al-Sirah. This study uses the method of document analysis which refers to the Book of Fiqh al-Sirah by Muhammad al-Ghazali. The findings of the study found seven importance of dakwah knowledge that should be known by the preacher today, namely a person who is of noble descent, has a high level of patience, is smart and smart, has good financial resources, has good morals, is friendly and virtuous and increases the time of self-reliance. By applying the methods and manhaj of dakwah recommended by Muhammad al-Ghazali, it is certain that the dakwah activities carried out by a preacher will bear fruit as desired. Hopefully, with the application of the dakwah engineering, this can be used as the main menu in the current dakwah landscape.*

Keywords: *Dakwah, dakwah knowledge, importance of knowledge, Muhammad al-Ghazali, preacher*

Pendahuluan

Dalam era teknologi masa kini, terdapat pelbagai platform yang dapat digunakan untuk berhubung antara satu sama lain. Kepelbagaian dan kecanggihan aplikasi teknologi juga telah menjadi elemen dalam menyebarkan sesuatu maklumat dengan cepat, pantas serta menjimatkan masa. Bidang dakwah juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan teknologi ini sebagai medium perantaraan risalah islamiah. Dewasa ini, peningkatan golongan agamawan yang menggunakan aplikasi *WhatsApp, Facebook, Instagram, Tik Tok* dan sebagainya dalam menyebarkan dakwah bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan (Ismail, 2022). Fenomena ini tampak lebih nyata apabila negara dilanda pandemik Covid-19 yang memaparkan keupayaan masing-masing dalam menguasai teknologi terkini. Para pendakwah seolah-olah berlumba-lumba dalam menjalankan aktiviti dakwah secara *online* tanpa memikirkan kepentingan ilmu dakwah yang perlu mereka kuasai terlebih dahulu. Kerakusan mereka dalam meneroka teknologi serta menyebarkan maklumat telah memberikan impak yang negatif terhadap masyarakat, seterusnya mencalarakan nama baik bagi mereka yang bergelar ‘ustaz’. Para pendakwah kini lebih mengejar populariti daripada menyampaikan risalah Islam kerana dakwah dan kandungan ceramah golongan asatizah ‘segera’ dan ‘selebriiti’ ini masih terbelakang dengan isu dan permasalahan yang sering dibangkitkannya amat cetek dan tidak membina kesedaran jiwa Muslim yang sihat (Abdul Hamid, 2020).

Pada hakikatnya, ilmu dakwah adalah suatu aset yang sangat penting dalam kelengkapan diri seorang pendakwah. Melaksanakan dakwah tanpa mengenal dan menguasai ilmu dakwah adalah satu perbuatan yang sia-sia. Menguasai ilmu dakwah juga menjadi intipati utama dalam keberkesanan sesuatu dakwah yang akan dijalankan oleh seseorang. Oleh hal demikian, setiap pendakwah perlulah terlebih dahulu mengetahui dan menguasai selok belok ilmu dakwah sebagai panduan dalam melaksanakan aktiviti dakwah. Menurut Ismail (2015), pentingnya seseorang Mukmin itu menuntut ilmu secara tersusun dan teratur supaya ilmu itu benar-benar memberi kefahaman mendalam dan tidak mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat.

Matlamat sebagai seorang pendakwah juga perlu dititikberatkan dalam diri kerana ia dapat menepis segala fitnah dan thomah mereka yang ingkar dengan seruan agama. Menurut Md Arof (2021), mengadakan program realiti TV untuk mencungkil pendakwah muda adalah antara langkah bijak dalam persaingan dengan golongan artis pada hari ini. Namun, apa yang membimbangkan, golongan lebih mengutamakan populariti berbanding dengan mesej dakwah yang disampaikan. Apabila nama seseorang pendakwah tersebut telah mula meniti bibir masyarakat, maka mereka mula meletakkan harga dalam setiap kali program yang dijalankan (Yusoh, 2021). Oleh itu, sebagai seorang pendakwah yang mendukung tanggungjawab rasul dan nabi seharusnya mengetahui dan menguasai ilmu dakwah secukupnya sebelum melaksanakan tuntutan dakwah. Kepentingan ilmu dakwah terhadap para pendakwah telah dikemukakan oleh Muhammad al-Ghazali dalam kitab karangan beliau iaitu *Fiqh al-Sirah*. Justeru, pengkaji akan mengupas dan membincangkan kepentingan-kepentingan ilmu dakwah terhadap pendakwah kontemporari sebagai rujukan asas para pendakwah sebelum terjun ke berdakwah ke dunia nyata.

Tinjauan Literatur

Kajian mengenai pemikiran dan ketokohan Muhammad al-Ghazali telah dijalankan oleh beberapa sarjana sejak dahulu lagi. Muhammad al-Ghazali merupakan seorang ulama dan pemikir Islam yang terkemuka. Beliau telah banyak membicarakan isu-isu penting berkaitan dengan kemunduran umat Islam dan cara bagaimana mengatasinya serta mengisytarkan bahawa krisis yang melanda umat Islam kini menerusi krisis pemikiran (Ghazali, 1999). Selain itu, terdapat juga kajian berkaitan dengan Muhammad al-Ghazali sebagai seorang pendakwah dan konsep tajdid sebagai usaha-usaha ke arah menjiwai ilmu Islam dan membersihkannya daripada kesilapan-kesilapan yang menyelubunginya agar ia kembali suci dan murni (Abidin, 1993) dan melihat pemikiran menerusi karya beliau yang berkaitan dengan tafsir (Iwanebe, 2014). Terdapat juga sarjana yang menjalankan kajian terhadap konsep ibadat, ilmu pengetahuan, kedudukan wanita, perihal al-Quran dan juga al-Sunnah (Zuhdi, 1993), sejarah Islam, isu akidah, politik, nasionalisme dan ekonomi serta beberapa permasalahan sosial yang sering berlaku pada umat Islam (Ismail, 1993). Manakala bagi Sallehuddin, (1994) pula mengupas serta mengulas bentuk-bentuk pemikiran Muhammad al-Ghazali yang bernilai positif dan negatif serta penglibatan Muhammad al-Ghazali dalam gerakan dakwah yang menyeru kepada pembinaan semula tamadun umat Islam dalam politik, ekonomi, sosial budaya dan sebagainya.

Menurut Darwis, (2019), buku *Kaifa Nafham al-Islam* dikarang oleh al-Ghazali bertujuan kerana beliau bimbang dengan kehidupan realiti umat Islam yang tidak memahami tuntutan utama dalam ajaran Islam. Ia berdasarkan kepada merosotnya pengamalan akhlak islamiah dalam kehidupan, hubungan sosial yang semakin rengang, keadaan politik yang tidak menentu, masalah ekonomi yang meruncing dan sebagainya. Sebagai seorang Muslim, kita perlulah kembali kepada fitrah asal kejadian sepertimana yang di sarankan oleh Allah SWT. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mokhtar dan rakan-rakan (2014) pula berkaitan dengan ketokohan Muhammad al-Ghazali dan penglibatannya dalam bidang dakwah islamiah mendapati Muhammad al-Ghazali merupakan tokoh pendakwah ulung antarabangsa yang cemerlang dalam konteks menjayakan dakwah kontemporari, sama ada yang berhubungkait dengan persediaan pendakwah, pendekatan dan juga media pelaksanaan dakwah serta masalah dakwah dan solusi yang dapat digunakan oleh pendakwah pada masa akan datang.

Kajian berkaitan dakwah turut dijadikan sebagai menu utama dalam menyorot literatur artikel ini. Dalam pemerhatian yang dijalankan, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana berkonsepkan dakwah. Kajian dakwah menerusi bidang keusahawanan misalnya telah dijalankan oleh Maidin dan rakan-rakan (2021) dimana ia bertujuan untuk meninjau usaha dakwah memperkasa bidang keusahawanan agar umat Islam sentiasa bermotivasi dalam bidang keusahawanan. Hasil dari kajian beliau mendapati pemahaman tuntutan dakwah Islam berkaitan dengan jihad ekonomi, ibadat zakat, amalan sedekah, pementoran, etika dan akhlak dalam perniagaan, serta melazimkan zikir dan doa harian dilihat ada hubungannya, dan dapat dikaitkan dengan aplikasi motivasi dakwah dalam bidang keusahawanan, dan ia menjadi langkah positif ke arah pembentukan usahawan-usahawan yang cemerlang di dunia dan akhirat. Manakala dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021a) pula membicarakan berkaitan *Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam* yang bertujuan untuk melihat dakwah *bil akhlak* kontemporari seseorang usahawan dapat memenuhi konsep keusahawanan Islam serta bentuk-bentuk akhlak yang dikehendaki oleh Islam bagi seseorang usahawan. Hasil kajian beliau mendapati pendekatan dakwah *bil akhlak* kontemporari sangat memberikan kesan positif terhadap konsep keusahawanan Islam dengan mengaplikasikan akhlak-akhlak yang murni seperti jujur, benar, amanah, bertanggungjawab, ikhlas, menepati janji, sabar, adil, berilmu pengetahuan, bersyukur, optimis dan berserah diri kepada Allah SWT sepertimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW semasa hidup baginda.

Selain itu, terdapat juga kajian yang berkaitan dengan implementasi dakwah terhadap masyarakat dan media kontemporari masa kini. Dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021b) mengupas berkaitan dengan *Implementasi Dakwah terhadap Etnik Sungai di Sabah: Satu Analisis Awal*. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat landskap kehidupan etnik Sungai, reaksi etnik Sungai terhadap ajaran Islam, faktor-faktor etnik Sungai memeluk Islam dan implementasi dakwah yang sesuai dilaksanakan terhadap etnik Sungai di Sabah. Hasil dapatan tersebut menunjukkan bahawa kaedah mendekati etnik Sungai dengan penuh hikmah seperti mendalami landskap kehidupan seharian mereka, mujadalah, dakwah *bil lisan* dan dakwah *Am* merupakan implementasi dakwah yang berkesan. Kaedah pendekatan dakwah yang sesuai dapat menarik minat etnik Sungai untuk mendalami agama Islam dengan lebih mendalam. Menerusi kajian terhadap *Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis* pula bertujuan untuk menganalisis prospek dan cabaran implementasi dakwah menerusi media kontemporari sebagai kayu ukur kepada kejayaan dakwah masa kini. Tahap keterbergantungan yang tinggi terhadap media massa telah memberi satu tamparan hebat kepada para pendakwah untuk menyebarkan risalah yang benar dan menangkis segala bentuk penyebaran maklumat palsu khususnya yang berkaitan dengan Islam (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c). Hasil kajian tersebut mendapati terdapat pelbagai prospek dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah masa kini seperti menyiapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyekat kemunculan ustaz dan ustazah ‘maggi’, kebanjiran maklumat berkaitan isu-isu agama dan sebagainya.

Kajian berkaitan dengan konsep dakwah dalam sajak turut dibahas oleh Mokhtar dan rakan-rakan (2021d). Kajian tersebut bertujuan untuk melihat nilai moral dalam sajak “Ke Makam Bonda” dari aspek bahasa, nilai dan struktur menerusi teori relevans. Selain itu, kajian tersebut turut melihat hubungan antara bahasa, nilai dan struktur dalam bait-bait sajak tersebut dikaitkan dengan unsur-unsur dakwah sehingga ia mendatangkan kesedaran kepada pendengar. Hasil kajian tersebut mendapati penggunaan bahasa, penerapan nilai serta penyusunan struktur yang sistematik apatah lagi diimplementasikan sajak tersebut ke genre lagu bercorakkan nasyid

tradisional menambahkan lagi tahap penghayatan pendengar terhadap mesej yang disampaikan. Kesan pengadaptasian tersebut telah mendatangkan impak yang positif kepada masyarakat sehingga ia menjadi alunan irama yang tenang di dengar dan meninggalkan kesan nasihat dan mesej dakwah yang sangat berguna.

Selain kajian konsep dakwah dalam sajak, terdapat juga kajian berkaitan dengan *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021e), kajian tersebut bertujuan untuk melihat rekayasa dakwah dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus umum universiti iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) dari sudut penerimaan dakwah dan keselesaan mereka dalam menerima teguran dan nasihat. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati majoriti mahasiswa sangat bersetuju dengan pendekatan dan rekayasa dakwah yang diaplikasikan oleh pensyarah dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang diselitkan dengan unsur-unsur dakwah membolehkan mahasiswa dapat menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka.

Dalam kajian Hajimin dan rakan-rakan (2021) pula mengupas berkaitan dengan *Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah*. Kajian beliau tersebut bertujuan mengkaji proses dakwah dan impaknya terhadap perubahan komposisi Muslim di negeri Sabah. Hasil kajian beliau mendapati usaha dakwah yang dilakukan di Sabah merupakan antara faktor utama kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah. Malah ia lebih jelas lagi pada tahun 1967 sehingga tahun 1976 di bawah gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pimpinan Tun Datu Mustapha. Justeru, usaha dakwah di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha telah diiktiraf sebagai satu era dimana berlaku perubahan drastik komposisi Islam daripada 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976. Kajian terhadap *Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan* turut dijalankan oleh Mokhtar dan rakan-rakan (2019). Kajian tersebut berobjektifkan untuk mengenal pasti pendekatan pelaksanaan dakwah JHEAINS di Penjara Sandakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang digunakan oleh JHEAINS dan pihak Penjara Sandakan untuk mendidik dan mentarbiah banduan ialah melalui *Da'wah bi al-Nafs*, *Da'wah Fardiyah*, *Da'wah bi al-Hāl* dan *Da'wah al-Ām*. Strategi pelaksanaan dakwah yang dijalankan oleh JHEAINS terhadap banduan penjara ini memberi implikasi yang besar khususnya kepada pegawai penjara dan para pendakwah dalam menyebarkan dakwah Islamiah dalam kalangan banduan multietnik.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kajian analisis dokumen atau kajian perpustakaan. Pengkaji merujuk kitab *Fiqh al-Sirah* yang digunakan sebagai data primer dalam kajian ini. Kitab *Fiqh al-sirah* adalah sebuah karangan Muhammad al-Ghazali yang membicarakan sirah dakwah yang telah ditempuhi oleh Rasulullah SAW semasa hayatnya. Saranan dan kupasan Muhammad al-Ghazali terhadap kepentingan ilmu dakwah kepada para pendakwah kontemporari dalam kitab tersebut dijadikan sebagai menu utama dalam kajian ini. Idea Muhammad al-Ghazali tersebut akan dikaitkan dengan realiti kehidupan pendakwah masa kini bagi melihat sejauh mana ilmu dakwah tersebut sesuai direalisasikan dalam landskap dakwah. Selain itu, pengkaji turut melakukan tinjauan terhadap artikel, buku, makalah dan yang berkaitan dengan ilmu dakwah terutama buku-buku berkaitan sirah dakwah dan Muhammad al-Ghazali. Data-data berkaitan dengan ilmu dakwah akan dianalisis untuk melihat pemikiran

dakwah Muhammad al-Ghazali secara lebih jelas khususnya dalam kepentingan ilmu dakwah terhadap para pendakwah kontemporari. Dengan fenomena pegangan pendakwah kini yang seringkali terumbang ambing, maka penguasaan kepentingan ilmu dakwah perlu diaplikasikan dalam diri pendakwah sebagai indikator untuk menggapai kejayaan dakwahnya.

Biodata Muhammad al-Ghazali

Sebelum meneruskan kupasan berkaitan pandangan Muhammad al-Ghazali terhadap kepentingan ilmu dakwah kontemporari, terlebih dahulu kita mengenali dan mengetahui sedikit sebanyak biodata Muhammad al-Ghazali sebagai panduan dan rujukan khalayak pembaca. Menurut Ghazali (2001), Muhammad al-Ghazali al-Saqa telah dilahirkan pada 5 Zulhijjah 1335H bersamaan 22 September 1917 di Kampung Nakala al-^cInab, daerah Ayta al-Barud di Bahira, Mesir. Al-Ghazali telah dibesarkan dalam landskap sebuah keluarga yang sangat berpegang teguh dengan tuntutan agama. Memandangkan kecenderungan bapanya yang terarah bidang kesufian, beliau telah menamakan anaknya dengan Muhammad al-Ghazali sempena mengambil nama Hujatul Islam Abu Hamid al-Ghazali. Muhammad al-Ghazali telah menunjukkan minat dalam pendidikan sejak kecil lagi. Sejarah menunjukkan beliau sudah mula mengukir ciri-ciri keilmuan yang unggul dengan kelebihan dan kemampuannya menghafaz al-Quran ketika berumur 10 tahun. Beliau telah mendapat pendidikan rendah dan menengah di kolej agama Iskandariah, Mesir. Seterusnya, beliau menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke Universiti al-Azhar pada tahun 1937 di Fakulti Usuluddin dalam bidang Dakwah dan Bahasa Arab (Zainal Abidin, 1993).

Sejarah mencatatkan bahawa Muhammad al-Ghazali telah lama bergiat dalam gerakan Islam, namun beliau tidak pernah melibatkan diri dan menganggotai dalam mana-mana pertubuhan Islam. Namun, bermulanya tahun 1937, Muhammad al-Ghazali telah mula menceburkan diri dengan gerakan Ikhwan al-Muslimin sebagai ahli gerakan di bawah pimpinan Syeikh Hasan al-Banna (Ghazali, 1999). Sejak dari itu, beliau telah bergiat cergas dalam aktiviti dakwah dan beliau banyak mengambil pemikiran, pengalaman dan didikan dari Syeikh Hasan al-Banna. Muhammad al-Ghazali telah menyifatkan Hasan al-Banna sebagai seorang pendorong dan pembimbingnya dalam medan dakwah. Menurut Ghazali (2001), pertama kali Muhammad al-Ghazali berjumpa dengan Syeikh Hasan al-Banna adalah ketika beliau menjadi penuntut di Kolej Agama Iskandariah.

Menurut Zuhdi (1993), pada tahun 1943 Muhammad al-Ghazali telah menerima ijazah Diploma Pendidikan yang menyamai ijazah M.A dari Fakulti Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti al-Azhar dan ijazah Pengkhususan Dakwah dari Fakulti Usuluddin. Sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang siswazah Usuluddin, beliau telah dilantik sebagai imam dan khatib di Masjid al-^cAtabah al-Khadura', Kaherah. Bermula dengan kedudukan tersebut, Muhammad al-Ghazali terus menduduki dari satu jawatan ke satu jawatan di bawah Kementerian Wakaf. Sehingga pada tahun 1971, beliau telah dilantik sebagai ketua Pengarah Dakwah dan Bimbingan. Kemudiannya beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Wakaf Mesir. Dengan kecemerlangan akademik dan sahsiah yang dipamerkan, Muhammad al-Ghazali telah dilantik sebagai seorang pendidik dan pensyarah di Universiti al-Azhar. Beberapa tahun kemudian, beliau telah dianugerahkan gelaran profesor oleh pihak Universiti al-Azhar dan beliau turut menerima anugerah al-Malik Faisal Award atas segala usaha cemerlang beliau dalam bidang akademik yang diceburinya. Anugerah kewangan yang diterima daripada Award ini telah diperuntukkan untuk memperbesarkan lagi perpustakaan peribadi di rumahnya bagi kemudahan rujukan pakar dan ilmuan.

Menurut Ismail (1993), Muhammad al-Ghazali juga pernah menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan tampuk pemerintahan Mesir di suatu masa dahulu. Beliau pernah mengkritik sikap ulama-ulama al-Azhar dan tidak menyetujui beberapa aliran al-Wahabi. Natiyah dari krisis beliau dengan pemerintah tersebut, beliau telah di penjarakan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1948 dan 1965. Muhammad al-Ghazali telah di penjara pada tahun 1949 di Penjara Tur, semenanjung Sinai. Di dalam penjara ini, beliau telah bertemu dengan Yusuf al-Qardawi. Menurut al-Qardawi, al-Ghazali pernah menjadi imam, khatib dan mengajar kami di dalam penjara bersama-sama Sayid Sabiq (Ghazali, 2001). Beliau juga telah menjadi ketua kepada penghuni penjara pada ketika itu setelah Bahi Khuli berpindah ke Penjara Kaherah. Pada tahun 1949 juga, Muhammad al-Ghazali telah di dikeluarkan dari penjara dan kalimah yang pertama terpancar dari mulutnya ialah berdakwah untuk membela Islam dan kemuliaannya.

Ketika usia Muhammad al-Ghazali melewati akhir tujuh puluhan, beliau masih menonjolkan kewibawaan dirinya sebagai ilmuwan Islam yang aktif, malah menjadi salah seorang pakar rujuk ulama di Kaherah. Walaupun terdapat kritikan-kritikan terhadap sikap dan pendirian beliau yang tidak menyenangkan, namun ia tidak pernah melumpuhkan semangat dan keyakinan kita terhadap kredibiliti al-Ghazali dalam merealisasikan keunggulan Islam yang dilalui oleh umat Islam dari semasa ke semasa. Menurut Ghazali (1999), Muhammad al-Ghazali telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di Riyadh, Saudi Arabia pada 9 Mac 1996, selepas diserang sakit jantung secara mengejut ketika sedang memberi ceramah di seminar “Islam dan Barat”, ketika berumur 78 tahun . Beliau telah di makamkan di perkuburan al-Baqi^c, Madinah al-Munawarah berdekatan dengan makam anak Nabi Muhammad iaitu Ibrahim, dan Imam Malik bin Anas. Makam beliau terletak kira-kira 15 meter daripada Masjid al-Nabawi. Jenazah Muhammad al-Ghazali telah disembahyangkan oleh Syeikh Huzaifi di Masjid al-Nabawi. Allah telah memuliakannya sehingga beliau di makamkan berhampiran dengan makam nabi Muhammad SAW. Pernah seorang penggali kubur bertanya, siapakah yang bernasib baik akan dikebumikan di tempat yang mulia berhampiran dengan Masjid Rasulullah SAW, lalu mereka memberitahu penggali kubur tersebut bahawa orangnya ialah Muhammad al-Ghazali (Don & Mokhtar, 2009).

Jadual 1: Ringkasan Biodata Muhammad al-Ghazali

Perkara	Huraian
Nama Penuh	Muhammad al-Ghazali (sempena nama Hujatul Islam Abu Hamid al-Ghazali)
Gelaran	Al-Saqā' (tempat kelahiran)
Tarikh lahir	22 September 1917 (5 Zulhijjah 1335H)
Tempat kelahiran	Kampung Nakala al- ^c Inab, daerah Ayta al-Barud di Bahira, Mesir
Adik beradik	7 orang, anak pertama
Keadaan keluarga	Sangat berpegang teguh dengan ajaran agama
Keupayaan	Menghafaz al-Quran ketika umur 10 tahun
Pendidikan awal	Keluarga dan belajar di kampung
Pendidikan rendah dan menengah	Kolej Agama Iskandariah, Mesir
Pendidikan tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Fakulti Usuluddin (Dakwah dan Bahasa Arab) • Penerima Diploma Pendidikan yang menyamai M.A dari Fakulti Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti al-Azhar, Mesir

Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Imam dan khatib di Masjid al-^cAtabah al-Khadura', Kaherah • Ketua Pengarah Dakwah dan Bimbingan • Timbalan Menteri Wakaf Mesir • Pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir • Menjadi pensyarah pinjaman di Universiti Umm al-Qura (Mekah) • Pensyarah di Universiti Qatar • Pensyarah di Universiti al-Amir ^cAbdul Qadir di Algeria • Rektor di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIT) (Kaherah) • Merupakan seorang pemidato yang hebat • Menjadi pakar rujuk ulama di Kaherah
Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Profesor dari Universiti al-Azhar • Anugerah Malik Faisal Award
Anak didikan	Syeikh Hassan al-Banna
Sifat	Tegas, lantang bersuara, sentiasa menyebarkan risalah kebenaran
Cabaran yang dihadapi	Pernah dipenjarakan selama 2 kali (Penjara Tur dan Penjara Kaherah)
Meninggal dunia	9 Mac 1996 (Riyadh, Saudi Arabia) kerana serangan jantung. Jenazah di makamkan di tanah perkuburan al-Baqi ^c , Madinah

Sumber:Kajian Penyelidikan (2022)

Kepentingan ilmu dakwah terhadap pendakwah kontemporari

Dalam kitab *Fiqh al-Sirah*, Muhammad al-Ghazali telah mensasarkan beberapa kepentingan dan keutamaan yang diperlukan oleh seseorang pendakwah masa kini. Di antara kepentingan ilmu dakwah terhadap pendakwah masa kini adalah seperti berikut :

Seseorang yang berketurunan mulia

Aspek pertama yang ditekankan oleh Muhammad al-Ghazali terhadap kepentingan ilmu dakwah masa kini adalah seseorang yang berketurunan mulia atau mempunyai salasilah keluarga yang baik. Apabila seseorang pendakwah atau pemimpin masyarakat itu terdiri daripada kalangan orang yang bersifat dan berakhlak mulia serta dihormati di dalam masyarakat, sudah pasti apa sahaja yang akan dibicarakannya akan mendapat sambutan dan perhatian dari masyarakat. Jika pendakwah tersebut datangnya daripada golongan orang yang tidak begitu terkenal atau daripada keturunan yang rendah, maka sudah tentu dia kurang mendapat sambutan malah dipandang rendah pula oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh sebab itu, soalan yang mula-mula sekali diajukan oleh Maharaja Hercules kepada Abu Sufyan ketika Rasulullah SAW mengutusnyanya dengan sepucuk surat yang bertujuan menyeru Hercules dan kaumnya kepada agama Islam dengan katanya: "*Bagaimana dengan kedudukan keturunannya?*". Lalu Abu Sufyan pada ketika itu belum lagi memeluk Islam menjawab : "*Dia adalah daripada sebaik-baik keturunan kami*". Apabila segala soalan telah dikemukakan oleh Hercules dan segala jawapannya telah didengar, lalu beliau terus menerangkan rahsia soalan-soalan yang diajukan tentang diri Muhammad SAW. itu dengan katanya: "*Aku bertanya kamu tentang keturunannya, memang aku menyangka bahawa dia adalah daripada semulia-mulia*

keturunan kamu. Demikianlah Allah SWT tidak akan memilih seorang nabi melainkan daripada keluarga yang mulia dan keturunan yang baik”.

Islam sememangnya tidak pernah menilai sesuatu pekerjaan kerana mulia keturunan, akan tetapi tidak salah sekiranya terkumpul dua kemuliaan pada diri seseorang iaitu mulia keturunan dan mulia pula pekerjaannya. Malah dengan itu akan menjadi lebih mulia dan tersanjung serta lebih dekat kepada kejayaan. Kepentingan ini ditekankan oleh Muhammad al-Ghazali kerana pada kebiasaannya, masyarakat akan melihat susur galur sesebuah keluarga pendakwah terlebih dahulu dalam menilai dan menerima apa yang akan disampaikan oleh seseorang pendakwah. Sekiranya pendakwah tersebut bukan dari golongan yang berketurunan mulia dan baik sudah tentu masyarakat tidak mahu mendengar dan menerima apa yang akan diserukan oleh beliau, begitu juga sebaliknya. Bagi pendakwah yang lahir dalam kalangan mereka yang tidak berketurunan mulia dan baik, mereka perlulah menanamkan sifat sabar yang tinggi serta sedia menerima cemoahan masyarakat terhadapnya kerana hidayah itu milik Allah SWT.

Mempunyai sifat sabar yang tinggi

Muhammad al-Ghazali turut memberikan penekanan terhadap sifat sabar dalam setiap diri pendakwah. Sejarah telah membuktikan bahawa ranjau kehidupan seorang pendakwah bukanlah dihiasi dengan wangian kasturi tetapi ditaburi onak dan duri. Oleh itu, sebagai seorang pendakwah kita seharusnya mempunyai sifat sabar yang tinggi dalam diri. Sesungguhnya seorang pendakwah yang pernah menanggung derita keyatiman serta sengsara hidup pada masa kecilnya akan menyebabkan dia lebih banyak mengenal erti hidup dan rasa perikemanusiaan yang mendalam. Jiwanya penuh dengan rasa belas kasihan serta simpati terhadap anak-anak yatim, golongan fakir dan miskin atau orang yang terseksa. Kerja-kerjanya lebih banyak tertumpu ke arah berusaha membela nasib golongan-golongan ini agar segala bantuan dapat disalurkan kepada mereka yang sepatutnya. Setiap pendakwah sangatlah perlu memiliki dalam dirinya sifat perikemanusiaan yang mendalam sehingga dia dapat merasai penderitaan orang lemah dan terlantar. Sedangkan perasaan seperti itu tidak mungkin dapat dihayati dengan sebenarnya, seandainya dia sendiri tidak pernah mengalami dan melalui apa yang dirasai oleh orang yang menderita.

Seorang yang bijak dan pintar

Selain itu, Muhammad al-Ghazali juga menyarankan agar seseorang pendakwah masa kini perlu dalam kalangan mereka yang bijak dan pintar. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021b), seorang pendakwah yang mahu menyampaikan dakwah Islam ini perlu mempunyai ilmu yang dalam tentang Islam sebelum menyampaikan kepada pihak lain kerana ia adalah indikator kepada kejayaan dakwah yang dijalankan. Menurut Muhammad al-Ghazali (1976) berpendapat tidaklah layak untuk memimpin sesebuah gerakan dakwah melainkan orang yang bijak serta pintar. Adapun orang yang bodoh dan sederhana daya fikirannya adalah tidak sesuai untuk menduduki barisan pemimpin sama ada dalam bidang pemikiran mahupun dalam bidang kerohanian. Bahkan sudah menjadi lumrah hidup bahawa orang yang bodoh dan berfikiran tidak menentu serta penuh ragu-ragu dalam sikap dan pendiriannya, adalah sama sekali tidak layak untuk menduduki kepimpinan dalam apa jua bidang sekalipun dalam kehidupan ini.

Pendapat dan pandangan Muhammad al-Ghazali tersebut jelas menunjukkan bahawa golongan pendakwah masa kini perlulah mereka yang berada dalam kelompok orang yang bijak dan pintar dalam menyesuaikan diri mereka ketika melaksanakan dakwah. Ini kerana, dakwah yang dijalankan tersebut perlulah menggunakan hikmah dalam berkomunikasi, bijak mengatur kata-kata serta memahami keadaan sekeliling dalam melaksanakan dakwah. Menurut Mokhtar dan

rakan-rakan (2021g), komunikasi dalam Islam hendaklah berlangsung secara penuh hikmah iaitu dengan menggunakan perkataan atau perbuatan yang baik serta dapat diterima mudah oleh penerima (komunikan). Selain itu, para pendakwah masa kini juga perlu berkomunikasi dalam bentuk terancang dan teratur lebih mudah diterima oleh para pendengar (Mokhtar & rakan-rakan, 2021g) serta perlu mengawal emosi dan hawa nafsu mereka dari menutur dan mengeluarkan kata-kata yang kasar agar mesej yang disampaikan itu dapat diterima baik oleh pendengar (Mokhtar & rakan-rakan, 2022). Dengan kebijakan dan kepintaran pendakwah mengeksploitasi dakwahnya dengan baik dan teratur, sudah tentu mereka akan menempa kejayaan yang gemilang dalam dakwahnya.

Mempunyai sumber kewangan yang baik

Muhammad al-Ghazali turut mengutamakan sumber kewangan yang baik dalam melaksanakan urusan dakwah. Beliau berpendapat, sebaiknya seorang pendakwah perlu bergantung hidup atas hasil usahanya sendiri atau melalui mana-mana sumber kewangan yang baik dan mulia, bukan dengan jalan meminta-minta dan jalan yang buruk lagi menghinakan. Sesungguhnya para pendakwah yang benar dan mulia masing-masing melepaskan diri mereka daripada hidup di atas hasil sedekah dan pemberian orang lain. Di mana lagi akan wujudnya kemuliaan diri mereka di sisi masyarakat sekiranya mereka sendiri menghina diri mereka dengan melakukan perbuatan yang hina iaitu meminta-meminta, sekalipun ia tidak dilakukan secara terbuka dan terus terang. Oleh itu, apabila kita mendapati orang yang mendakwa dirinya sebagai pendakwah sedangkan kerjanya adalah mengumpul kekayaan daripada harta orang dengan berbagai gaya dan tipu helah, maka dapatlah kita simpulkan bahawa dia sebenarnya telah meletakkan dirinya dalam kehinaan, lebih-lebih lagi pada pandangan masyarakat dan jiran tetangganya. Dia juga termasuk dalam golongan yang mendapat kemurkaan Allah SWT.

Hal ini dapat kita lihat berdasarkan sirah para anbia suatu ketika dahulu di mana mereka kebanyakannya adalah dalam kalangan bangsawan. Mereka menegakkan agama Allah SWT dengan usaha hasil tangan mereka sendiri tanpa meminta ihsan dari orang lain. Dewasa ini, terdapat juga beberapa pendakwah yang telah mengaplikasikan ilmu dakwah ini dalam kancah dakwahnya seperti Ustaz Ebit Liew, Ustaz Tido dan sebagainya. Secara umumnya, apabila dibuat perbandingan antara pendakwah yang mempunyai sumber kewangan yang baik dengan mereka yang tidak mempunyai sumber kewangan yang baik sudah tentu pengikut akan lebih tertumpu kepada golongan pendakwah yang mempunyai sumber kewangan yang baik tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa, para pendakwah masa kini perlu melengkapkan diri mereka secara keseluruhannya agar perjalanan dakwah yang dilalui tersebut menghasilkan buah yang di idam-idamkan.

Mempunyai akhlak yang mulia

Seterusnya, Muhammad al-Ghazali turut menuntut para pendakwah kontemporari agar memiliki akhlak yang mulia. Sesungguhnya seorang pendakwah yang lurus tingkah lakunya serta berakhlak mulia pada masa mudanya, merupakan faktor pendorong yang amat besar bagi kejayaannya di dalam dunia dakwah. Begitu juga dalam usahanya memperbaiki akhlak dan memerangi kemungkarannya. Ini adalah kerana tidak ada orang yang mencela dan mengkritik kelakuannya secara peribadi di dalam masyarakat sebelum dia menjalani tugas sebagai pendakwah. Sedangkan berapa banyak kita lihat hari ini mereka yang bangun melaksanakan dakwah terutama dari segi pemulihan akhlak, di mana mereka menghadapi halangan dan tentangan dari orang ramai. Ini disebabkan sebahagian besarnya berpunca daripada tingkah laku mereka yang buruk dan budi pekerti yang tidak lurus itu disebut-sebut kembali. Malah segala keburukan masa lalunya itu menimbulkan kecurigaan orang ramai tentang kebenaran apa yang

di bawa oleh pendakwah seperti ini. Mereka mungkin akan dituduh bahawa di sebalik dakwah ini tersembunyi sesuatu tujuan tertentu.

Adapun seorang pendakwah yang baik budi pekerti pada masa mudanya, maka sudah tentu dia akan selalu terhormat dan dihormati, tidak terdedah kepada celaan dan kritikan musuh tentang masa silamnya. Musuh tidak dapat menggunakan sejarah masa lalunya untuk menyekat kemasyhurannya dan mempengaruhi orang ramai supaya memperkecil-kecilkan dakwahnya. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa menerima taubat orang yang benar-benar bertaubat dengan penuh kejujuran dan keikhlasan serta bersedia menghapuskan kesalahan-kesalahan masa lalu dengan kebajikan-kebajikan yang dilakukan sekarang. Akan tetapi orang yang seperti ini tidaklah sama kejayaannya dalam berdakwah berbanding dengan orang yang sejarah hidupnya baik dan lurus serta namanya harum sejak mula lagi dalam masyarakat.

Bersikap peramah dan berhati luhur

Sebagai seorang pendakwah, kita juga perlu memiliki sikap peramah dan berhati luhur dalam diri. Muhammad al-Ghazali mengatakan bahawa pengalaman seorang pendakwah yang pernah mengembara, suka bergaul dengan orang ramai, selalu mengambil tahu tentang keperluan, keadaan dan masalah-masalah hidup yang dihadapi oleh mereka adalah sebesar-besar faktor bagi kejayaan dakwahnya. Adapun orang yang bergaul dengan orang ramai melalui buku-buku karangannya atau menerusi tulisan-tulisan rencananya sahaja, tanpa ikut bergaul secara langsung ditengah-tengah masyarakat yang masing-masing mempunyai matlamat dan tujuan hidup yang berbeza-beza adalah tidak sama. Golongan pendakwah seperti ini sebenarnya akan ragu-ragu dan terumbang-ambing dalam dakwahnya. Mereka tidak akan mendapat perhatian orang ramai, isi dakwahnya tidak didengar malah tidak diterima sama sekali. Ini kerana mereka sebenarnya jahil akan keadaan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang mereka dakwahkan itu. Oleh itu, siapa yang akan berdakwah kepada orang yang kuat beragama, maka dia hendaklah bergaul dengan mereka di masjid-masjid dan majlis-majlis yang diadakan di dalam masyarakat mereka. Sesiapa yang akan berdakwah kepada kaum buruh dan peladang, maka hendaklah dia hidup bersama mereka di kampung-kampung dan kilang-kilang mereka, makan bersama dan berbual mesra dengan mereka dalam masyarakatnya. Sesiapa yang hendak memuliakan sistem pergaulan di kalangan masyarakat, maka dia harus bergaul dengan mereka di kedai-kedai, pasar-pasar, kilang-kilang dan sebagainya.

Begitulah seterusnya mereka yang ingin mengubah suasana politik, hendaklah dia bergaul dengan para ahli politik, mengenal pasti struktur organisasinya, mendengar ceramah-ceramahnya, mengetahui perancangan dan strategi partinya, kemudian mempelajari lingkungan dan persekitaran hidup masyarakatnya, mengetahui latar belakang pendidikan serta budaya yang mereka anuti seterusnya aliran pemikiran yang mereka perjuangkan. Dengan cara demikian akan mengetahui bagaimana sebaiknya cara untuk menghadapi mereka agar segala yang disampaikan dapat diterima dengan senang hati. Juga dapat menggunakan pendekatan yang sesuai sehingga tidak menimbulkan sebarang tentangan daripada mereka disebabkan tekanan jiwa dan perasaan. Inilah sepatutnya yang ada pada seorang pendakwah dengan memiliki pengalaman hidup, mempunyai pengetahuan yang cukup tentang urusan anggota masyarakatnya, sehingga dapat merealisasikan firman Allah SWT “*Serulah ke jalan Tuhanmu dengan bijaksana dan nasihat-nasihat yang baik*” (Al-Quran, al-Nahl 16:125). Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021d), berdakwah tidak semestinya dilakukan secara alunan suara bahkan ia boleh dilakukan dengan cara tanpa suara dan ini termasuk dalam konteks berdakwah dengan cara lemah lembut atau secara hikmah. Pendekatan hikmah juga didefinisikan sebagai percakapan yang sedikit tetapi memberi maksud yang dalam kepada penerima dakwah

(Mokhtar & rakan-rakan, 2021b) dan ia bergantung sepenuhnya kepada situasi dan keadaan pendakwah pada masa itu (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c).

Memperbanyakkan waktu muhasabah diri

Dalam mencapai nilai kebahagiaan hidup, seseorang itu perlu kepada konsep muhasabah diri kerana kehidupan ini hanya sementara dan tidak kekal selamanya (Mokhtar & rakan-rakan, 2021f). Memperbanyakkan waktu muhasabah diri juga menjadi salah satu keperluan dalam penguasaan ilmu dakwah (Muhammad al-Ghazali, 1976). Setiap pendakwah hendaklah dari masa ke semasa meluangkan beberapa waktu tertentu untuk berkhalwat diri, dalam usaha menghubungkan ruhnya dengan Allah Yang Maha Agung, serta membersihkan jiwanya daripada kekotoran pekerti yang keji dan juga kehidupan yang berkecamuk di sekelilingnya. Di mana usaha-usaha khalwat seperti ini mendorong pendakwah agar memperhitungkan dirinya sendiri sama ada telah berlaku kecuaiannya dalam tugasnya menegakkan kebenaran. Ia juga bertujuan untuk mengembalikan diri terhadap Allah SWT memohon sebarang kesalahan dan kesilapan dalam menyebarkan risalah Islam tersebut. Pendakwah juga bimbang sekiranya niatnya terpesong dari arah tujuan asalnya, atau tersisih daripada jalan yang bijaksana, atau tersalah jalan, cara, metode, atau tenggelam bersama-sama masyarakat ketika melaksanakan dakwah islamiah. Dalam dunia maya ini, sering berlakunya perbalahan dan pertelingkahan sehingga melupakan kewajipan mengingati Allah, mendekatinya dan mengingati akhirat, syurga dan neraka, mengingati mati dan penderitaannya dan sebagainya.

Oleh kerana itu, solat *tahajjud* dan *qiamullail* merupakan perintah wajib bagi diri Rasulullah SAW dan suatu ibadah sunat bagi umatnya. Orang yang paling penting bagi mengutamakan amalan sunat ini adalah para pendakwah yang menyeru orang ramai supaya kembali kepada Allah SWT, melaksanakan hukum syariatnya serta rindukan syurganya. Sesungguhnya dalam berkhalwat, bertahajjud dan qiamullail di malam yang hening itu mempunyai suatu kelazatan dan kemanisan yang tidak mungkin dapat dirasai melainkan mereka yang telah dimuliakan Allah SWT dengan melakukannya. Justeru cukuplah bagi kita untuk menerima arahan Allah yang ditunjukkan kepada rasulnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Muzammil ayat 1-7 yang bermaksud: “*Hai orang yang berselimut (Muhammad), bangunlah (untuk bersembahyang) pada malam hari, kecuali sedikit (daripadanya), iaitu seperdua atau kurangilah daripada seperdua itu sedikit, atau lebih daripada seperdua itu, dan bacalah al-Quran itu perlahan-lahan. Sesungguhnya kami akan menurunkan kepadamu perkataan yang berat. sesungguhnya bangun pada waktu malam yang tepat (untuk khusyuk) dan bacaan pada waktu itu lebih berkesan*”.

Kesimpulan

Dengan berpandukan kitab *Fiqh al-Sirah* ini, pengkaji merasakan bahawa perlunya seseorang pendakwah itu untuk meneliti dan mengambil saripati daripada apa yang terkandung di dalamnya. Ia bertujuan untuk melahirkan para pendakwah yang berkaliber serta menepati perjuangan sirah Rasulullah SAW. Walaupun masa telah lama berlalu, namun sirah Rasulullah SAW. ‘*tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*’. Pendakwah seharusnya pandai menghubungkan strategi perjuangan Rasulullah SAW dengan apa yang dilalui pada masa kini. Secara ringkasnya, kajian sirah nabi ini adalah untuk melahirkan aspek-aspek kemanusiaan secara keseluruhan yang tercermin dalam *qudwah* yang paling sempurna dan terbaik. Umpamanya, jika anda seorang pembuka kota, ambillah pengajaran yang dilakukan oleh Rasulullah selepas kemenangan di Badar, Hunain dan pembukaan Mekah. Sekiranya anda mengalami kegagalan, ambillah pengajaran dalam perang Uhud yang mana baginda berada di antara sahabatnya yang telah syahid dan mengalami kecederaan. Jika anda seorang guru,

lihatlah pengajaran yang dilakukan oleh Rasulullah di Suffat dalam Masjid Nabawi dan jika anda seorang pelajar, maka gambarkanlah anda berada di antara Jibrail yang menyampaikan wahyu kepada nabi. Jika anda seorang hakim, ikutilah penyelesaian Rasulullah SAW. dalam meletakkan *Hajar al-Aswad*. Dengan mengimplementasikan ilmu dakwah tersebut dalam perjuangan, sudah tentu kejayaan dan kecemerlangan dakwah akan dikecapi. Semoga para pendakwah kontemporari dapat menjadikan bahan ini sebagai satu usaha untuk menggapai kegemilangan khususnya dalam gerakan dakwah yang dijalankan.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

Rujukan

Al-Qur'an.

- Abdul Hamid, U. R. (2020). Komentari: Pendakwah 'Selebriti' Dan 'Ustaz Segera' – Apa Sebenarnya Peranan Mereka?. 9 Januari 2020. <https://berita.mediacorp.sg/komentar/komentar-pendakwah-selebriti-dan-ustaz-segera-apa-sebenarnya-134021>. Tarikh Capaian, 3 Julai 2022.
- Darwis, M. (2019). Metode Pemahaman Islam Muḥammad al-Ghazali (Kajian Analisis Kitab *Kaifa Nafham al-Islam*). *Tadabbur: Jurnal Peradaban Islam*. Vol. 1, No. 1, 150-170.
- Don, A.G. & Mokhtar, S. (2009). *Kajian Pemikiran Dakwah Muhammad al-Ghazali Kitab Fiqh al-Sirah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali, M. R. (1999). *Syeikh Muhammad al-Ghazali: Sejarah Hidup dan Pemikiran*. Johor: Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Johor.
- Ghazali, M. R. (2001). Tema-Tema Besar Pemikiran Muhammad al-Ghazali. *Afkar-Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 2(1), 123–140.
- Hajimin, M. N. H. H., Muis, A., M. R. A., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law Government and Communication*, 6 (23), 125-139.
- Ismail, I. (1993). *Shaykh Muhammad al-Ghazali dan Sumbangan dalam Pemikiran Islam*. Simposium Falsafah III. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi:UKM.
- Ismail, M.A. (2022). Cari Ilmu Sumber Sahih. 19 Februari 2022. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/02/811914/cari-ilmu-sumber-sahih>. Tarikh Capaian, 3 Julai 2022.
- Ismail, N. H. (2015). Pendakwah Perlu Berilmu, Bukan Berasaskan Populariti. *Berita Harian*. 5 Disember 2015. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/12/102334/pendakwah-perlu-berilmu-bukan-berasaskan-populariti>. Tarikh Capaian, 3 Julai 2022.
- Iwanebe, F.Y. (2014). Paradigma dan Aktualisasi Interpretasi dalam Pemikiran Muḥammad al-Ghazali. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*. Vol. 11, No.1, Jun 2014: 1-22.
- Maidin, I., Mokhtar, S., Othman, I. W., & Moharam, M. M. (2021). Peranan Motivasi Dakwah Dalam Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 157 - 169.

- Md Arof, F. (2021). Cabaran Ulama Muda dalam Berdakwah. Utusan Malaysia. 28 November 2021. <https://www.utusan.com.my/gaya/agama/2021/11/cabaran-ulama-muda-dalam-berdakwah>. Tarikh Capaian, 3 Julai 2022.
- Mokhtar, A.A., Choirin, M., Muhammad, Z. F., & Shahar, A.F.M. (2014). *Fikrah Dakwah Shaykh Muhammad al-Ghazali: Tumpuan dalam Kitab Fi Mawakib al-Da'wah dan Ma'a Allah: Dirasat fi al-Da'wah wa al-Du'at*. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). 340-365.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021g). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 140-156.
- Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021e). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa Di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (39), 178-193.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021d). Nilai Moral Dalam Sajak 'Ke Makam Bonda' Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai Dan Struktur Serta Kaitannya Dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41),76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., & Thia, K. (2021f). Implementasi Konsep al-Falah dalam Aspek Keusahawanan Islam Menurut Perspektif al-Qurtubi: Satu Analisis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 144 - 156.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021b). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021a). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022). Analisis Persamaan dan Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. A. (2019). Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan. *Jurnal al-Hikmah*, 11(2) 2019: 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W. & Moharam, M. M H. (2021c). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. 5th *International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021*, 03 - 05 August 2021, 408-418. Proceedings ICTLD2021/e-ISBN 978-967-25529.
- Muhammad al-Ghazali. (1976). *Fiqh al-Sirah*. Dar Ihya' al-Thurath al-^cArabi.
- Salehuddin, M.R. (1994). *Polemik Pemikiran Shaykh Muhammad al-Ghazali*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.
- Yusoh, M. D. (2021). Fenomena Pendakwah Berbayar. Sinar Harian. 21 Jun 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/146568/KHAS/Pendapat/Fenomena-pendakwah-berbayar>. Tarikh Capaian, 3 Julai 2022.
- Zainal Abidin, A. (1993). *Isu-isu Umat Islam Menurut Pemikiran al-Shaykh Muhammad al-Ghazali: Satu Tinjauan*. Simposium Falsafah III. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi:UKM.
- Zuhdi, M. (1993). *Pemikiran Syekh Muhammad al-Ghazali: Satu Tinjauan Ringkas*. Simposium Falsafah III. Fakulti Syariah, Akademik Islam, Universiti Malaya, Pantai Dalam:UM.